

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	2 OCTOBER 2016

MUSUH DR. M? *um - 2/10/2016*

APABILA Dr. Mahathir Mohamad menamakan Muhyiddin Yassin sebagai bakal Perdana Menteri atas tiket Parti Pribumi jika pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), ia mengundang tindak balas negatif.

Beberapa pemimpin DAP dan PKR membantah sambil mempersoalkan apa hak Dr. Mahathir mahu membuat penentuan itu.

DAP dan PKR, tetap mahukan Anwar Ibrahim sementara Pas (yang kini menolak DAP) mengambil pendirian presidennya, Hadi Awang lebih layak. Penolakan ini sudah dijangka. Bukan sahaja Muhyiddin, jika Dr. Mahathir dicalonkan oleh parti barunya, beliau juga tidak akan diterima.

Awang melihat perkembangan ini menambahkan lagi ketidaktentuan dalam gerakan pembangkang sejak beliau mengambil peranan utama. Kini DAP dan PKR mulai sedar persubahatan dengan Dr. Mahathir serta Parti Pribumi, yang pada mulanya disambut dengan teruja, bertukar menjadi liabiliti.

Nampaknya satu demi satu percaturan beliau sejak tahun lalu tidak menjadi. Pengaruh dan



MAHATHIR

Awang melihat perkembangan ini menambahkan lagi ketidaktentuan dalam gerakan pembangkang sejak beliau mengambil peranan utama.

imejnya merudum dengan begitu cepat di kaca mata rakyat. Daripada seorang negarawan yang dijunjung kini Dr. Mahathir menjadi pemimpin yang disangsikan kewibawaan dan keikhlasannya.

Lagi keras tindakan beliau lagi besar padahnya. Ada sahaja kenyataan dan provokasi beliau yang hanya makan diri. Senario dan realiti telah berubah. Dr. Mahathir sekarang bukan Dr. Mahathir yang dulu, yang kita selalu pertahankan. Prinsip politiknya kini songsang termasuk bersekongkol dengan DAP dan penganjur Bersih serta mengundang campur tangan asing hanya kerana mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Najib Tun Razak di luar proses demokrasi.

Sehebat-hebat manusia merancang tidak akan mampu mengatasi ketentuan-Nya. Awang amati Dr. Mahathir sudah hilang elegan dan lebih dikuasai amarah. Musuh utama beliau bukan sesiapa tetapi dirinya sendiri.